



Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Penjara Pudu - Pusat Tahanan Sementara

Masalah penagih dadah, peleser dan pengemis di sekitar kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur merupakan satu masalah yang mempunyai kesan negatif terhadap imej Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain telah mengadakan beberapa siri operasi di Pusat Bandar Kuala Lumpur untuk menargetkan penagih dadah, peleser dan pengemis. Namun ada antara mereka yang ditangkap terpaksa dibebaskan semula kerana masalah kekurangan tempat tahanan (*Remand Centres*).

Kerja-kerja membaiki pulih meliputi 'demolition work (existing ply partitions & brick walls)', penyediaan ruang pejabat untuk agensi-agensi yang terlibat (ADK, PDRM, Jabatan Kebajikan, Jabatan Imegresen dan Kementerian Kesihatan), penyediaan tandas untuk staf (lelaki & wanita), penyediaan tandas untuk ujian air kencing (lelaki & wanita) dan mengecat semula ruang dalaman. Perabot pejabat dan bilik mesyuarat turut dibekalkan.

DBKL telah memulakan kerja ubahsuai ini pada 15 November 2002 dan telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada pihak Polis pada 5 Februari 2003.

Penjara Pudu yang berusia 108 tahun itu telah diberi nama baru iaitu Pusat Tahanan Pudu boleh menempatkan 825 tahanan pada satu-satu masa. Ianya berfungsi sebagai lokap pusat dan pusat tahanan sementara bagi penagih dadah dan kutu rayau yang ditangkap di sekitar Kuala Lumpur. Sebahagian besar daripada pusat tahanan itu akan digunakan untuk tahanan lelaki dengan hanya 10 bilik disediakan untuk tahanan wanita.

Pusat Tahanan Pudu yang membabitkan kos kira-kira RM3

juta itu diletakkan di bawah pengurusan Polis Kontinjen Kuala Lumpur membabitkan kira-kira 200 petugas dari Pasukan Gerak Khas Am (PGA) dan anggota polis tugas am untuk kawalan 24 jam. Pusat tahanan ini juga akan dilengkapi dengan kitar kamera tertutup (CCTV).

Inisiatif yang diambil oleh DBKL dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain untuk mewujudkan pusat tahanan itu dijangka berkesan dalam usaha mengurangkan penagih dadah dan kutu rayau yang ada di Kuala Lumpur terutama menjelang Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 pada bulan ini dan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) ke-10 pada Oktober depan.



Penyerahan kunci daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada pihak Polis yang diwakili oleh Datuk Dell Akhbar.



Datuk Mohamad Shaid sedang memperkatakan sesuatu kepada Datuk Norian Mai, Ketua Polis Negara.

Rencana Pengarang

PEMBANGUNAN SOSIAL – PENEKANAN KEPADA WANITA, KELUARGA DAN WARGA TUA

Tidak dapat dinafikan bahawa Kuala Lumpur telah membangun dan moden sejak mencapai taraf bandaraya pada tahun 1972. Bermula dengan jumlah penduduk seramai 80 orang (1857), populasi bandaraya Kuala Lumpur yang juga merupakan ibu kota telah meningkat ke angka 1.4 juta (masa kini) dan dijangka akan bertambah dari setahun ke setahun.

Sebagai bandar utama, Kuala Lumpur berperanan sebagai 'ketua' dan menjadi contoh serta model untuk diteladani oleh bandar-bandar lain. Untuk menjadikan sebuah bandaraya kepada sebuah metropolis yang bertaraf dunia, kita memerlukan berbagai maklumat (input) dan 'resepi' bagi menjadi bandaraya yang terbaik di kalangan metropolis-metropolis di dunia.

Ini merupakan satu tugas berterusan yang berat dan perlu dikongsi oleh semua warga kota. Pembangunan material, ekonomi dan perdagangan yang semakin pesat perlu seiring dan sejajar dengan pembangunan sosial dan persekitaran bandaraya Kuala Lumpur.

Salah satu tugas utama bagi melahirkan pembangunan yang seimbang dan adil adalah dengan memberikan perhatian kepada pembangunan sosial iaitu tumpuan kepada wanita, kanak-kanak dan warga tua yang kurang berkemampuan. Menyedari hakikat ini, DBKL mengambil langkah yang efektif dalam Belanjawan 2003 dengan mengarahkan penyelesaian masalah secara lebih bertenaga dan memberikan komitmen yang tinggi selaras dengan peruntukan yang ditetapkan.

Pusat-Pusat Komuniti yang baru akan dibina dan yang sedia ada akan dinaiktaraf bagi menyediakan kemudahan kepada wanita, ibu tunggal, remaja dan warga tua yang kurang berkemampuan. Dengan ini, masalah kemiskinan dan isu-isu kekeluargaan boleh diselesaikan dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup mereka.

Peranan wanita/ibu adalah penting. Pepatah ada berbunyi, **'Tangan yang menghayun buaian akan mengguncang dunia'**. Kita perlu memastikan bahawa tangan yang menghayun buaian itu seorang yang kuat, mempunyai minda dan badan yang sihat serta semangat yang cecak.

Tugas yang menanti kita adalah mencabar. Jika semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sektor swasta dan kita semua berganding bahu, saya percaya kita dapat merealisasikan impian untuk menjadikan bandaraya Kuala Lumpur sebagai yang terbaik di dunia.

*Gunung tinggi sama didaki,
Lautan dalam sama direnang,
Mari kita bersatu hati,
Perkara susah menjadi senang.*

**SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA
KEPADA SEMUA UMAT ISLAM**

Jabatan Kerja Awam

Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.

03 - 2617 9392

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar
Tingkat 19-20, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah

03 - 2698 3954

Direktorat Penguatkuasaan

Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok A

Jalan Tun Razak

03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan

Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut

03 - 2617 9739/ 2617 9740

Jabatan Pengangkutan Bandar

Tingkat 19, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut

03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan

Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,

KM 4, Jalan Cheras

03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil

Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut

03 - 2698 6389

Jabatan Pelesenan

Tingkat 12, Bangunan Wawasan

Jalan Raja Abdullah

03 - 2617 6183

Jabatan Pengurusan Perumahan

Tingkat Bawah

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman

03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai

Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut

03 - 2617 9000

Hotline DBKL

03 4022 0033

(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)

03 - 9284 3636/ 9284 3434

(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam

Bhg. Hal Ehwal Awam

03 - 2617 9800/ 2617 9900

Hari Bertemu Pelanggan

(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)

9.00 pagi - 12.00 tengahari

Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)

Bebas Tol : **1800-882-600**

No. Telefon : **03 - 2617 9905**

Penasihat

Y.Bhg Datuk Halijah Binti Othman

Ketua Editor

Zainal Abidin Bin Hj. Mohd. Zain

Editor

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor

Hanim Binti Hj. Hashim

Suriyana Binti Ismail

Shahrul Azman Bin Sayuti

Jurufoto

Mubarak bin Mohd. Atan

Abd. Rhani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Alamat Editor

Berita Bandaraya

Bahagian Hal Ehwal Awam

Jabatan Pengurusan Organisasi

Tingkat 5, Bangunan DBKL

Jalan Raja Laut.

Atau berhubung terus dengan

Suriyana Binti Ismail

Tel : 03 2617 9805

Faks : 03 2694 1373

e-mel : dbkl@dbkl.gov.my

KAUNTER PERMIT KELULUSAN PEMBINAAN KECIL

Pembinaan kecil kepada rumah teres/ berangkai

Terdapat beberapa jenis pembinaan kecil kepada rumah teres/ berangkai yang boleh diberi kelulusan segera dalam tempoh satu hari melalui kaunter permit Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan, DBKL.

Kerja-kerja tambahan dan perubahan kecil yang dipertimbangkan untuk kelulusan hanya melibatkan rumah teres/ berangkai satu hingga tiga tingkat sahaja tertakluk kepada

syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Jenis-jenis rumah yang **tidak** termasuk dalam kelulusan kaunter permit ialah rumah jenis 'Town House', rumah teres yang menghadapi dua jalan utama (*double frontage*) dan rumah jenis kelompok (*cluster*).

Di bawah adalah jenis-jenis pelan permohonan pembinaan kecil yang boleh dibuat rujukan.

bil.	Jenis Tambahan	Keterangan
1.	Tambahan hadapan di tingkat bawah	a. Tambahan anjung kereta terbuka bagi lot pertengahan. b. Tambahan anjung kereta terbuka bagi lot sudut/ lot tepi. c. Tambahan teres terbuka bagi lot pertengahan. d. Penutupan ruang terbuka selari dengan dinding bangunan sedia ada.
2.	Tambahan hadapan di tingkat satu	a. Tambahan kepada balkoni yang tidak melebihi garisan bangunan sedia ada. b. Tambahan pada balkoni yang melebihi garisan bangunan sedia ada. c. Penutupan ruang terbuka selari dengan dinding bangunan sedia ada.
3.	Tambahan sisi di tingkat bawah	a. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan lorong sisi 600mm. b. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan lorong sisi 3050mm. c. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan laluan pejalan kaki. d. Tambahan sisi tertutup dengan lot sama sempadan/ <i>fire break</i> . e. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan jalan melebihi 6100mm.
4.	Tambahan sisi di tingkat satu	a. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan lorong sisi 6100mm. b. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan lorong sisi 3050mm. c. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan laluan pejalan kaki. d. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan lot sama sempadan/ <i>fire break</i> . e. Tambahan sisi tertutup atau terbuka dengan jalan melebihi 6100mm.
5.	Tambahan belakang di tingkat bawah	a. Tambahan tertutup atau terbuka dengan lorong belakang atau lain-lain rezab 3050mm dan lebih. b. Tambahan Tertutup atau terbuka dengan lorong servis atau lain-lain rezab kurang dari 3050mm. c. Tambahan tertutup atau terbuka dengan garisan sama sempadan.
6.	Tambahan belakang di tingkat satu	a. Tambahan tertutup atau terbuka dengan lorong belakang atau lain-lain rezab 3050mm dan lebih. b. Tambahan tertutup atau terbuka dengan lorong servis atau lain-lain rezab kurang dari 3050mm. c. Tambahan tertutup atau terbuka dengan garisan sama sempadan.

Cadangan ini tidak membenarkan tambahan tingkat seperti teres satu tingkat, tidak boleh dijadikan 2 tingkat dan seterusnya. Cadangan tambahan adalah sepadan dengan ciri-ciri rekabentuk sedia ada termasuk reka bentuk bumbung, bahan binaan dan warna.

Anjung kereta dan teres terbuka yang dibina mengikut garis panduan ini tidak boleh didindingkan tetapi penggunaan lengkung terbuka (*arch*) bagi tujuan hiasan sahaja. Setiap tambahan tertutup hendaklah dilengkapi dengan pencahayaan semulajadi melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai jumlah keluasan tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lega lantai bilik.

Dinding dua pihak (*party wall*) hendaklah tidak kurang daripada 200mm tebal, diperbuat daripada batu padat atau konkrit *in situ* dan boleh terdiri dari dua lapis berasingan setiap satunya, tidak kurang daripada 100mm tebal jika binaan pada masa-masa berlainan.

Keterangan lanjut :

**Jabatan Perancang & Kawalan
Bangunan (JPKB)
Tingkat 8, Bangunan DBKL,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
No. tel. : 03 - 2617 9000
Faks. : 03 - 2691 0442**

Garis panduan permohonan dalam keluaran akan datang.